

KEDIDI PAYA
Marsh Sandpiper

FAMILI: Scolopacidae
NAMA SAINTIFIK: *Tringa stagnatilis*



CIRI-CIRI

Individu ini mempunyai bahagian kaki yang panjang. Pada bahagian kepala, tengkuk dan belakang badan tidak terdapat sebarang jalur manakala bahagian kening berwarna putih. Bahagian atas badan individu ini berwarna kekelabuan manakala kelihatan warna hitam pada beberapa bahagian sayap. Individu ini mempunyai bahagian bawah badan yang berwarna putih serta bahagian kaki yang berwarna kehijauan. Semasa terbang, kelihatan warna putih pada bahagian belakang badan ke bahagian pangkal atas ekor. Panjang keseluruhan individu dewasa adalah di antara 22.0-25.0 sm. Berat 43-120 g.

MAKANAN

Siput-siput kecil, ketam, serangga dan cacing.

HABITAT

Pelbagai kawasan tanah lembap, kawasan beting lumpur, paya air tawar, sungai-sungai yang besar dan juga kawasan tanah pamah.

BUNYI

Mengeluarkan bunyi *keeuw* atau *pleu* yang lembut dan berulang-ulang. Nada bunyi yang dikeluarkan adalah lebih tinggi, halus dan kurang bergetar jika dibandingkan dengan spesies Kedidi Kaki Hijau, *Tringa nebularia*. Semasa berada dalam keadaan terancam, spesies ini akan mengeluarkan bunyi *yip*, *yup* atau *chip* yang kuat.

TABIAT

Mencari makanan secara berkumpulan sehingga 100 ekor atau lebih.

PEMBIAKAN

Membidak dalam bulan April hingga Jun. Individu betina boleh menghasilkan 4 biji telur semasa musim pembiakan.

STATUS

Akta 76/72, dilindungi.

CIRI: Secara keseluruhannya, burung ini berwarna gelap dengan garisan putih yang jelas di bahagian kepek dan bawah ekornya. Selain itu, ia mempunyai ciri seakan-akan perisai di hadapan muka dan paruh yang merah dengan hujungnya yang berwarna kuning. Selain daripada itu, kaki dan jari kakinya juga berwarna kuning. Bagi burung juvenil, bahagian badan atas agak kecoklatan dengan paruh dan juga perisai muka hijau kecoklatan dan warna kaki yang lebih pudar.

SAIZ: Panjang keseluruhan bagi burung dewasa adalah di antara 30.0 - 38.0 sm. Berat 173 - 493 g.\